

# Persatuan Mahasiswa Kewangan Islam anjur Karnival Halal Hub 3.0

UB 4.11.2017 A 4

LABUAN: Persatuan Mahasiswa Kewangan Islam, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) telah menganjurkan Karnival Halal Hub 3.0 di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) selama dua hari berakhir pada hari ini.

Majlis perasmian program disempurnakan oleh Dekan FKAL, Prof Madya Dr Hanudin Amin di lobi Bangunan Menara UMSKAL pada Jumaat.

Turut hadir Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) FKAL, Dr Mohd Fahmi Mohd Ghazali, Penyelaras Program, Ahmad Aizzuddin Hamzah dan Pengarah Program Karnival Halal Hub 3.0, Muhammad Faris Kamarudzaman.

Program itu bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat dan mahasiswa UMS Labuan mengenai produk dan perkhidmatan yang berteraskan halal.

Selain itu, ia juga untuk menerapkan gaya hidup

Islam kepada mahasiswa serta ilmu pengetahuan mengenai halal hub.

Pada masa sama, program berkenaan memperkenalkan UMS Labuan kepada masyarakat di Wilayah Persekutuan Labuan yang sentiasa bekerjasama menjayakan program berteraskan halal.

Sempena program itu turut diadakan Forum Akademik yang bertajuk 'Kosmetik Keperluan atau Fitrah' yang menampilkan dua ahli panel iaitu Da'I Wan dan Rahman Baco di Dewan Kuliah Pusat 1, malam kelmarin.

Turut diadakan gerai pameran dan jualan pelbagai produk kesihatan dan makanan yang bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada usahawan tempatan memasarkan produk dan perkhidmatan masing-masing.

"Sebanyak 11 gerai pameran dan jualan produk kesihatan dan makanan diadakan untuk memberi ruang dan peluang peniaga

tempatan memasarkan produk masing-masing khususnya kepada warga UMS Labuan," katanya.

Dr Hanudin yakin menerusi karnival itu, mahasiswa mempelajari pelbagai ilmu keusahawanan dan mampu berkomunikasi dengan pihak luar.

**USAHAWAN kosmetik, Yantie Bakir menerangkan produk kecantikan kepada Hanudin (depan), Fahmi (dua kiri) dan Ahmad Aizzuddin (dua kanan) sempena penganjuran Karnival Halal Hub.**



**HANUDIN (dua kanan), Mohd Fahmi (dua kiri), Ahmad Aizzuddin dan Muhammad Faris (kiri) bersama AJK Penganjur Karnival Halal Hub 3.0 di UMS Labuan pada 3-4 November 2017.**